

Kuala Lumpur: Kerja ko-rek jalan terutama menampal semula yang tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP), bukan sahaja menyebabkan jalan rosak dan berlubang, sekali gus boleh mengundang kemalangan.

Situasi itu disebabkan tanah tidak dipadatkan dengan sempurna selepas kerja menampal menyebabkan jalan mudah men-dap selain air juga mudah bertakung dan merosakkan permukaan jalan apabila lapisan tar tidak di-kembalikan seperti asal.

Kakitangan swasta, Wan Fazly Wan Kadir, 40, berkata, penutupan semula jalan yang dikorek perlu dilakukan mengikut SOP yang ditetapkan pihak berkenaan supaya ia tidak mendatangkan masalah termasuk memba-bitkan keselamatan pengguna jalan raya.

Sampai bila korek & tampal?

“Kalau terlanggar lubang rim tayar kereta atau motosikal boleh menjadi bengkok dan tayar juga boleh pecah”

*Kakitangan swasta,
Wan Fazly Wan Kadir*

Menurutnya, kualiti kerja yang rendah atau bahan penampal yang tidak berkualiti menyumbang kepada kerosakan jalan seperti jalan berlubang dan berisiko mendap apabila hujan.

“Sebab itu kerja penyelenggaraan perlu setimpal dan mematuhi semua proses SOP ditetapkan kerana keselamatan pengguna jalan perlu menjadi keuta-

maan. Kalau terlanggar lubang rim tayar kereta atau motosikal boleh menjadi bengkok dan tayar juga boleh pecah.

“Kalau hujan lebat di lokasi itu juga boleh menyebabkan air bertakung dan itu juga bahaya. Jadi, saya berharap kerja mengorek jalan dapat dilakukan dengan betul dan penyelenggaraan selepas itu juga mematuhi SOP,” katanya.

Bagi Naufal Baihaqi Ismail, 22, seorang pelajar yang kerap melalui jalan berkenaan meluahkan rasa tidak puas hati apabila mendakwa keadaan di tapak kerja sering menimbulkan kekeliruan serta risiko kepada pemandu, terutamanya apabila tiada pemakluman jelas mengenai jadual kerja yang dijalankan.

“Kadang kerja masih berjalan tetapi ada bahagian jalan yang sudah disekat, tiada papan tanda. Kita mahu elak susah kerana tidak tahu kawasan yang selamat. Ini menyusahkan dan bahaya,” katanya.

Tinjauan Harian Metro di beberapa lokasi di sekitar Jalan Bukit Pantai, Bangsar, Jalan Selangit di Cheras dan Bukit Jalil mendapati kerja pengorekan jalan sedang dilakukan namun pemerhatian mendapati lokasi jalan yang dikorek diletakkan kon keselamatan.

Terdahulu media melaporkan sebanyak lapan notis kompaun dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada kontraktor yang melakukan kerja pengorekan jalan yang tidak mematuhi SOP di sekitar ibu kota.